



JABATAN PERTANIAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : PPN.PP.16(N)/2026

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah kod bidang **GRED G2 KATEGORI CE, CE 21 - Pembinaan Kejuruteraan Awam(Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam)** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut:-

KERJA-KERJA MENAMBUN TANAH JERLUS, NAIKTARAF PLOT SEMAIAN, PINTU KAWALAN AIR, PEMBINAAN TELAGA TIUB DAN LAIN-LAIN BERKAITAN DI STESEN PERTANIAN BUKIT MERAH, PULAU PINANG

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat/lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh	:	02 Jun 2026 (Selasa)
Masa Pendaftaran	:	9.00 Pagi
Masa Taklimat	:	10.00 Pagi
Tempat	:	PEJABAT OPERASI, PUSAT PERTANIAN BUKIT MERAH, PERMATANG PAUH, SPT
Kehadiran	:	Pemilik Syarikat Sahaja (Wakil tidak dibenarkan)

3. Tuan/Puan adalah diminta untuk membawa bersama dokumen-dokumen seperti senarai di bawah semasa sesi taklimat/lawatan tapak bagi tujuan semakan urusetia.

- i) **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB);**
- ii) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB);**
- iii) **Kad Pengenalan;**
- iv) **Cop Syarikat**

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga RM10.00 secara atas talian dan dimuat turun melalui sysP mulai **03 Jun 2026 (Rabu)**. Hanya syarikat-syarikat yang berdaftar dengan sysP serta menghadiri taklimat/lawatan tapak sahaja boleh membeli dokumen sebut harga.

5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 10 Jun 2026 (Rabu) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Jalan Kulim Cherok Tok Kun, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

7. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.

Pengarah Pertanian Negeri
Jabatan Pertanian Negeri
Negeri Pulau Pinang